

Najib bayar jamin tambahan RM1 juta

um - 30/7/2020 mlb: 5

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
suwarni.mokhtar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: “Semalam (kelmarin) dah banyak gambar dah.”

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempat berseloroh demikian dengan kumpulan jurufoto yang mengambil gambarnya selepas selesai membayar jamin tambahan RM1 juta.

Beliau hadir selepas ditemani anaknya, Norashman dan seorang lagi individu yang bertindak sebagai penjamin bekas pemimpin negara itu.

Ahli Parlimen Pekan itu sebelum ini dibebaskan dengan jaminan RM1 juta selepas didakwa atas tujuh pertuduhan berkaitan penyelewengan

dana RM42 juta milik syarikat pelaburan negara, SRC International Sdn. Bhd.

Semalam, Mahkamah Tinggi di sini menaikkan jumlah jaminan tersebut kepada RM2 juta selepas membenarkan permohonan pembelaan untuk menangguhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta dan baki RM1 juta itu perlu dilunaskan hari ini.

Selain tambahan jumlah jamin itu, Najib juga perlu melaporkan diri di balai polis berdekatan dua kali sebulan iaitu pada setiap 1 dan 15 hari bulan sehingga kesnya selesai.

Najib dikenakan hukuman tersebut selepas gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas pertudu-

INFO

PROSES RAYUAN KES JENAYAH DARI MAHKAMAH TINGGI

- » Mahkamah bicara membuat keputusan.
- » Pihak yang tidak berpuas hati perlu failkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan dan salinan kepada Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari.
- » Mahkamah Tinggi selepas terima salinan notis rayuan perlu menyediakan alasan penghakiman dan nota keterangan dan serahkan kepada pihak-pihak yang terlibat.
- » Selepas terima dokumen, pihak terlibat perlu failkan petisyen rayuan dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan dokumen ke Mahkamah Tinggi dengan menyatakan alasan kenapa tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah bicara.
- » Selepas terima Petisyen Rayuan, Mahkamah Tinggi perlu sediakan dokumen-dokumen berkaitan seperti notis Rayuan, nota keterangan, alasan penghakiman, dokumen berkaitan eksibit dan petisyen rayuan.
- » Mahkamah Tinggi akan hantar kesemua dokumen ke Mahkamah Rayuan dan pihak-pihak terlibat.
- » Mahkamah Rayuan akan tetapkan tarikh pendengaran rayuan.



NAJIB Tun Razak hadir di Mahkamah Kuala Lumpur semalam bagi membayar ikat jamin sebanyak RM1 juta. - UTUAN/SHIDDIEQIIN ZON